

KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

TINGKATKAN PENGGUNAAN IBS: CREAM METERAI PERJANJIAN DENGAN REHDA INSTITUTE DAN UTM

Kajian kos dan isu pelaksanaan IBS untuk sektor swasta dan pembangunan blok IBS berinovasi untuk kegunaan kawasan luar bandar.

KUALA LUMPUR, 18 Ogos 2020 – Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM) hari ini memeterai perjanjian dengan REHDA Institute dan Universiti Teknologi Malaysia ke arah meningkatkan penggunaan Sistem Binaan Berindustri IBS di dalam industri pembinaan negara.

CREAM, sebuah anak syarikat milik penuh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB Malaysia) menerusi kerjasama dengan REHDA Institute akan mengadakan satu kajian bagi mengenalpasti cabaran yang dihadapi pemaju perumahan dan hartanah dalam menggunakan IBS. Ini termasuk mengkaji kos sebenar pelaksanaan IBS untuk sesuatu projek. Melalui kajian ini, satu Pelan tindakan pelaksanaan IBS yang praktikal, efisien dan yang dapat memperkasakan ekosistem IBS di negara ini, akan dicadangkan kepada CIDB Malaysia dan Kementerian Kerja Raya Malaysia.

Melalui kerjasama ini juga, CREAM dan REHDA Institute akan membuat kajian berkenaan dengan kos perniagaan dan kos pematuhan yang terlibat di dalam projek pembangunan perumahan dan hartanah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti usaha-usaha wajar yang ke arah meningkatkan keberkesanan dasar serta proses yang diamalkan di dalam sektor pembangunan hartanah, supaya peningkatan harga rumah secara mendadak dapat dibendung.

Kerjasama di antara CREAM dan UTM pula melibatkan penghasilan formula IBS Interlocking Hollow Block System (IHBS) menggunakan campuran tanah laterit, abu palma (Palm Oil Fuel Ash) dan abu arang batu (Bottom Ash). Formula IHBS ini

dibangunkan untuk mencipta satu bahan binaan atau komponen IBS yang mesra alam sekitar kerana ia menggunakan bahan sisa pertanian dan juga sisa perlombongan yang mudah didapati. Formula optimum untuk mengeluarkan IHBS ini dijadualkan siap pada suku pertama 2021. Ia dijangka mendatangkan banyak manfaat kepada komuniti luar bandar dari peringkat pengeluaran blok IBS sehinggalah pemasangan.

Formula IHBS ini kelak akan membolehkan blok IBS yang mesra alam sekitar dikeluarkan oleh komuniti luar bandar dan dengan itu membolehkan projek-projek pembinaan yang menggunakan IBS dilaksanakan dengan kos berpatutan di luar bandar.

Daripada kajian yang telah dijalankan oleh CREAM, penggunaan IBS dapat meningkatkan kadar produktiviti lebih daripada dua (2) kali ganda atau 70% berbanding kaedah konvensional dalam projek pembinaan. Ini menunjukkan kepentingan IBS dalam meningkatkan produktiviti industri pembinaan amat penting.

Oleh sebab itu, sejak tahun 2008 lagi, Kerajaan telah mewajibkan penggunaan IBS ke atas projek Kerajaan yang bernilai RM10 Juta dan ke atas melalui Pekeliling Perbendaharaan. Penggunaan IBS dalam projek swasta pula telah dikuatkuasakan melalui Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) yang telah mewajibkan semua projek swasta yang bernilai RM50 Juta dan ke atas untuk menggunakan dengan minimum 50 skor IBS melalui syarat kelulusan Pelan Bangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Rekod pemantauan oleh Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) mendapati kadar penggunaan IBS dalam projek kerajaan telah meningkat dari 69.4% pada tahun 2016 ke 86.7% pada 2019. Kadar penggunaan IBS untuk projek swasta yang melebihi RM50 juta juga meningkat dari 14% pada tahun 2016 ke 40% pada tahun 2019. Biarpun kadar penggunaan IBS oleh penggiat industri pembinaan swasta masih lagi rendah, ia menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Oleh itu, usaha dalam meningkatkan penggunaan IBS ini perlu di teruskan dengan kerjasama yang padu daripada semua penggiat industri pembinaan.

Memorandum Perjanjian tersebut ditandatangani oleh **Datuk Sri Fateh Iskandar Bin Tan Sri Dato' Mohamed Mansor**, Pengerusi, Construction Research Institute Of Malaysia (CREAM), **Dato' Jeffrey Ng Tiong Lip** Pengerusi, REHDA Institute dan **Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Bin Omar** Naib Canselor, Universiti Teknologi Malaysia.

Turut hadir menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian ini adalah Yang Berhormat **Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof**, Menteri Kanan (Infrastruktur) Menteri Kerja Raya, **Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Ikhsan** Ketua

Setiausaha, Kementerian Kerja Raya dan **Datuk Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid**
Ketua Eksekutif, CIDB Malaysia.

#####

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
